



Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : SPAN/JKAP/STD/700-4/11 KLT-1 (16)  
Tarikh : 8 September 2020

(Sila nyatakan rujukan apabila menjawab surat ini)

## **SEPERTI SENARAI EDARAN**

Y.Bhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

### **PELAKSANAAN MEKANISMA PENGELUARAN SURAT PENGESAHAN PEMATUHAN BAGI PEMASANGAN UTILITI AIR/PEMBETUNGAN DALAM MASA 28 HARI UNTUK PERMOHONAN PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN (CCC)**

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas dan keputusan Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) yang telah diadakan pada 19 Ogos 2020 adalah berkaitan.

2. Seperti sedia maklum, pandemik COVID-19 telah memberikan impak yang besar kepada ekonomi negara. Justeru, kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memulihkan ekonomi negara.

3. Selaras dengan inisiatif kerajaan tersebut, pihak SPAN melalui Agensi Perakuan Pembedungan (Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) dan Majaari Services Sdn Bhd) dan Agensi Perakuan Bekalan Air (setiap Syarikat Bekalan Air di setiap negeri) kecuali Sabah dan Sarawak, telah bersetuju untuk melaksanakan penambahbaikan terhadap proses pengeluaran Surat Pengesahan Pematuhan bagi pemasangan utiliti air/pembedungan melalui mekanisma berikut:

- a. Pihak pemaju/profesional perlu mengemukakan permohonan untuk mendapatkan Surat Pengesahan Pematuhan bagi pemasangan utiliti air/pembedungan daripada Agensi Perakuan SPAN selepas daripada Agensi Perakuan SPAN mengesahkan bahawa semua keperluan dan syarat telah dipenuhi melalui pemeriksaan akhir yang dilaksanakan di tapak. Berdasarkan piagam pelanggan yang telah ditetapkan, Surat Pengesahan Pematuhan akan dikeluarkan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh permohonan dikemukakan;

#### **Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara**

Aras Bawah & Aras 1, Prima Avenue 7,  
Jalan Teknokrat 6, 63000 Cyberjaya, Selangor.

**T** 603 8317 9333/334/335    **F** 603 8317 9336/339  
**W** [www.span.gov.my](http://www.span.gov.my)



- b. Jika Surat Pengesahan Pematuhan tidak diterima dalam masa 28 hari dari tarikh permohonan dikemukakan, Surat Pengesahan Pematuhan hendaklah disifatkan telah diberikan. Seterusnya, Orang Utama Yang Mengemukakan (PSP) boleh mengemukakan permohonan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) tanpa Surat Pengesahan Pematuhan tersebut, tertakluk kepada syarat-syarat pemeriksaan akhir yang telah dipenuhi;
  - c. Walau bagaimanapun, pihak Agensi Perakuan SPAN masih berhak untuk melaksanakan pemeriksaan dan audit ke atas sistem atau pemasangan yang telah diberikan CCC tanpa Surat Pengesahan Pematuhan tersebut dalam tempoh 365 hari dari tarikh CCC dikeluarkan. Sekiranya terdapat ketidakpatuhan, pihak Agensi Perakuan SPAN boleh mengeluarkan arahan pematuhan kepada pemaju / professional yang berkenaan.
4. Untuk makluman, pelaksanaan mekanisma ini adalah berkuatkuasa pada 1 September 2020. Diharapkan pihak Y.Bhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan mengambil maklum dan dapat melaksanakan mekanisma seperti yang dinyatakan di atas.
  5. Segala perhatian dan kerjasama pihak Y.Bhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

**"MELESTARIKAN PERKHIDMATAN AIR"**

Yang benar,



**(DATO' AHMAD FAIZAL BIN ABDUL RAHMAN)**

Ketua Pegawai Eksekutif

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

MSZ/NB  
*MSZ*